

11/04/2000

Elak sertai perhimpunan haram: TPM

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin - Polis akan bertindak tegas terhadap pihak yang mengadakan perhimpunan haram sehingga mencetuskan pergaduhan dan rusuhan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri menasihatkan orang ramai supaya tidak menyertai sebarang perhimpunan haram, termasuk yang dirancang Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Sabtu ini.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, rusuhan tidak diinginkan sesiapa pun kerana ia lebih merugikan serta merosakkan daripada menguntungkan atau membantu apa-apa perjuangan.

"Sebarang perhimpunan orang ramai mesti mendapat permit polis kerana itu adalah peraturannya. Jika perhimpunan itu nak dibuat juga dan ada niat lain dan jika berlaku pergaduhan ini sesuatu yang tidak baik kepada masyarakat.

"Ini tidak sepatutnya berlaku dan polis kena mengambil tindakan tegas bukan kerana marah atau kerana apa-apa, tetapi kerana berlaku perbuatan yang di luar batas undang-undang.

"Kita harap ini (rusuhan ganas) tidak berlaku," katanya mengulas kebimbangan Perdana Menteri mengenai keghairahan parti pembangkang untuk mencetuskan huru-hara termasuk melihat berlakunya pertumpahan darah dalam negara.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau mempunyai maklumat yang penyokong Keadilan merancang untuk melakukan rusuhan ganas di ibu negara Sabtu ini.

Terdahulu Abdullah merasmikan Sidang Kemuncak Dasar Perisian 2000 di sini hari ini. Hadir sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Abdullah berkata, sebarang usaha mencetuskan huru-hara atau kekacauan tidak sepatutnya berlaku dalam negara kerana Malaysia adalah negara yang mengamalkan demokrasi.

Sehubungan itu, katanya, rakyat bebas bercakap serta berhak menyatakan pandangan masing-masing, menjalin hubungan dengan individu lain atau berpersatuan serta menjalankan aktiviti yang tidak melanggar undang-undang.

Katanya, apa yang penting setiap rakyat perlu menggunakan kebebasan yang diperolehi dengan baik dan mengikut batasan undang-undang.

"Kadang-kadang untuk mengamal kebebasan ini, berlakunya kejadian yang mana mereka terlalu ghairah dan lupa yang mana akan menimbulkan perbuatan yang menyalahi undang-undang," katanya.

Mengenai nasihat Dr Mahathir supaya calon pada pemilihan Umno menghentikan kempen, Abdullah berkata ia wajar dipatuhi kerana semua yang mendapat pencalonan sudah dikenali perwakilan.

"Baguslah tu, tak payah kempen, semua orang dah tahu, semua yang jadi calon sudah dikenali ahli Umno. Mungkin di kalangan ahli Umno mereka sudah buat kepastian, sudah pun dapat keputusan siapa yang mereka akan pilih pada perhimpunan agung nanti," katanya.

Mengenai kedudukan pencalonan Umno Bahagian Gua Musang, Abdullah berkata tindakan perwakilan mesyuarat menyerahkan kepada pihak jawatan kuasa bahagian untuk membuat pencalonan tidak pernah berlaku sebelum ini.

Katanya, beliau perlu meneliti perlembagaan Umno bagi menentukan sama ada tindakan bahagian itu menyalahi peraturan parti.

"Tetapi arahan Majlis Tertinggi jelas mengenai perkara ini, jika kena

buat pencalonan mesti buat pencalonan dan pencalonan yang dibuat mesti tertib," katanya.

Abdullah juga berkata, Umno menyerahkan kepada Tengku Razaleigh Hamzah bagaimana beliau mahu mendapatkan satu lagi pencalonan untuk layak bertanding jawatan Naib Presiden.

Kini, hanya Umno Bahagian Gua Musang dan Bandar Tun Razak belum membuat pencalonan.

Mengenai langkah Perlis dan Johor meluluskan enakmen berkaitan akidah dan hukum syariah, Abdullah berkata ia bukan dasar Umno tetapi tindakan yang diambil negeri terbabit.

"Ini bukan dasar Umno jika dikatakan dasar Umno ia perlu dimulakan oleh MT dan ada persetujuan pada peringkat MT," katanya sambil menambah sebarang masalah boleh dibincangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Islam yang dipengerusikannya.

(END)